

## **Euthanasia: Melanggar Etika dan Hak Asasi Manusia**

Farahwahida Mohd Yusof<sup>a</sup>, Tamar Jaya Nizar<sup>a</sup>, Siti Norlina Muhammad<sup>a</sup>, Nurain Mohd Nazir<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

<sup>b</sup>Fakulti Biosains dan Biokejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: farahwamy@utm.my

### **Article history**

Received :25 April 2012

Received in revised form :

16 July 2013

Accepted :15 August 2013

### **Abstract**

In this modern era, the development of science and technology has become progressive due to the emergence of many different discoveries that benefit people. Almost all aspects of human life are closely related to science and technology. Comparing to the technology breakthrough, the technological advance in the medical field seems very promising. Through the knowledge and the use of highly advanced medical technology, the diagnosis of a disease can be done better. Treatment can result in more effective practice. Besides, the death count of patients who suffer from any particular disease can be done more precisely. Now, the result of the progress in science and technology, particularly advances in medicine, human life has been able to be extended with the use of medicines or modern breathing apparatus. Humans seem to be able to determine whether to let the patients live or die. With the development of technology in medicine, it can possibly create a complicated problem. This situation raises several issues about death associated with euthanasia which means death in peace without pain. Euthanasia can be divided into several categories: active euthanasia, passive euthanasia, voluntary euthanasia, non-voluntary euthanasia and involuntary euthanasia. In Islam, the belief that life and death is determined by Allah and a person does not have the right to end his own life. The issue of euthanasia clearly receives strong protests from Muslim scholars and Islamic Sharia. Therefore, the issue of euthanasia is not only affecting the welfare of patients, but also involves the sensitivity of family members, physicians, and other religions. Thus, the issue of euthanasia should be carefully managed so that it does not create confusion among the public.

**Keywords:** Euthanasia; mercy killing; ethics

### **Abstrak**

Dalam era moden ini kemajuan ilmu sains dan teknologi menjadi semakin pesat kerana munculnya pelbagai penemuan yang banyak memberi manfaat kepada manusia. Hampir semua aspek kehidupan manusia berkait rapat dengan sains dan teknologi. Jika dibandingkan penemuan teknologi tersebut, perkembangan teknologi dalam bidang perubatan dilihat sangat memberangsangkan. Melalui pengetahuan dan penggunaan teknologi perubatan yang sangat maju, maka diagnosis mengenai suatu penyakit dapat dilakukan dengan lebih sempurna. Hasilnya rawatan penyakit dapat diperaktikkan secara lebih efektif. Bahkan perhitungan saat kematian penderita penyakit tertentu dapat dilakukan secara lebih tepat. Kini, hasil daripada perkembangan dan kemajuan dalam bidang sains dan teknologi terutamanya kemajuan dalam bidang perubatan, nyawa manusia telah dapat dilanjutkan dengan menggunakan ubatan atau alat pernafasan moden. Manusia seakan-akan dapat menentukan sama ada ingin mematikan atau menghidupkan seseorang pesakit. Dengan perkembangan teknologi dalam bidang perubatan ini, tidak mustahil ia bakal mengundang masalah yang rumit. Keadaan ini menimbulkan beberapa isu tentang kematian yang dikaitkan dengan euthanasia yang bermakna kematian dengan aman tanpa kesakitan. Euthanasia boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu euthanasia aktif, euthanasia pasif, voluntary euthanasia, non-voluntary euthanasia dan involuntary euthanasia. Dalam Islam misalnya, kepercayaan bahawa kehidupan dan kematian manusia adalah ditentukan oleh Allah dan manusia tidak mempunyai hak untuk menamatkan hidupnya sendiri. Jelaslah isu euthanasia menerima bantahan yang tegas daripada para ulama dan syariah Islamiah. Oleh itu, isu euthanasia bukan melibatkan kebijakan pesakit sahaja tetapi juga melibatkan sensitiviti ahli keluarga, ahli perubatan, agama dan lain-lain. Dengan ini, isu euthanasia harus diuruskan secara teliti supaya ia tidak menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

**Kata kunci:** Euthanasia; mercy killing; etika

© 2013 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

## ■1.0 PENGENALAN

Secara fitrahnya, kelahiran kebiasaannya membawa kebahagiaan dan kematian pula membawa kesedihan. Pada umumnya, lahir dan mati adalah takdir, demikianlah pendapat dari sebahagian besar masyarakat dan tidak ada seorang pun yang dapat menghindari atau menentukan mengenai kelahiran dan kematian. Kematian terjadi sama ada dikehendaki mahupun tidak dikehendaki disebabkan uzur, berpenyakit, kemalangan, bunuh diri, malah mungkin dibunuh oleh orang lain. Kematian sering dianggap sebagai suatu yang amat menakutkan, namun akan dialami bagi setiap makhluk Allah S.W.T. di muka bumi ini. Kematian merupakan suatu proses yang tidak dapat ditunda, namun kebanyakan orang tidak mahu kematian itu datang dengan segera bahkan berharap agar kematian tidak muncul dengan tiba-tiba. Manusia bukan sahaja hanya ngeri menghadapi kematian malah sangat takut untuk menghadapi keadaan selepas kematian itu berlaku [1].

Menyentuh soal kematian, menurut kronologinya terdapat tiga jenis kematian iaitu kematian yang terjadi kerana proses alamiah atau secara semulajadi (*Orthothanasia*), kematian yang terjadi secara tidak wajar (*Dysthanasia*) dan kematian yang terjadi dengan pertolongan atau tidak dengan pertolongan pengamal perubatan (*Euthanasia*). Kematian secara alamiah dapat diterima sebagai sesuatu hal yang wajar kerana setiap individu akan menemui kematian. Tetapi kematian tidak secara alamiah adalah kematian yang tidak diharapkan. Apakah itu pengakhiran hidup dengan membunuh diri atau minta dibunuh? Situasi ini berbeza dengan orang yang berputus asa menghadapi hidup akibat penyakit yang dideritai sangat menyeksakan. Mereka mengharapkan kematian, di mana bagi mereka kematian adalah suatu hal yang dicari-cari. Kematian yang diidamkan oleh para penderita, sudah tentu adalah kematian yang normal jauh dari rasa sakit dan mengerikan.

Dalam istilah perubatan, jenis kematian seperti ini dikenali sebagai euthanasia iaitu pembunuhan terhadap pesakit yang mempunyai harapan tipis untuk sembuh. Euthanasia sebenarnya bukanlah merupakan suatu persoalan yang baru bahkan euthanasia telah wujud sejak zaman Yunani purba lagi [2].

## ■2.0 PENGERTIAN EUTHANASIA

Kematian dalam kategori euthanasia atau juga disebut sebagai *mercy killing* digarap daripada perkataan Yunani “euthanatos” yang bermaksud ‘*good death*’ iaitu kematian dengan tenang. Menurut istilah perubatan pula, euthanasia didefinisikan sebagai tindakan agar kesakitan atau penderitaan yang dialami seseorang yang akan meninggal diringankan dan turut mempercepat kematian seseorang yang berada dalam kesakitan dan penderitaan hebat menjelang kematiannya yang lebih merujuk kepada tindakan pihak ketiga (pengamal perubatan) untuk menamatkan riwayat hidup seseorang pesakit [3]. Dengan kata lain, euthanasia membawa maksud tindakan menamatkan hidup seseorang dengan sengaja kerana seseorang tidak dapat menahan kesakitan atau kesengsaraan yang dibawa oleh penyakit atau seseorang tidak dapat diubati dengan perubatan yang sedia ada. Hal ini terjadi dengan pertolongan pengamal perubatan atas permintaan dari pesakit ataupun keluarganya kerana penderitaan yang sangat hebat dan tiada akhirnya atau tindakan membiarkan saja pesakit yang sedang sakit tanpa memberikan pertolongan rawatan yang seharusnya.

Euthanasia juga boleh dikategorikan sebagai kes pembunuhan walaupun dengan kerelaan dan atas permintaan orang itu sendiri. Hal ini disebabkan penghentian kehidupan atau perampasan nyawa seseorang oleh orang lain yang

mengakibatkan tidak berfungsinya seluruh anggota badan disebabkan ketiadaan roh sebagai unsur utama menggerakkan tubuh. Perlaksanaan euthanasia untuk menamatkan hidup seseorang yang tidak mempunyai harapan untuk sembuh telah membangkitkan pelbagai isu moral dalam kalangan masyarakat.

Adakah euthanasia ini tidak menghargai nyawa manusia? Persoalan ini yang sering kali timbul tatkala isu ini dibangkitkan. Pandangan yang bersetuju dengan konsep euthanasia ini mengatakan bahawa jika seseorang tidak normal atau tidak memiliki kehidupan yang produktif, dia seharusnya dibunuh sahaja. Tetapi apakah itu normal? Siapakah yang berhak berkata tentang kehidupan yang produktif?

Pada dasarnya masalah euthanasia ini timbul dengan adanya dilema tentang apakah seorang pengamal perubatan mempunyai hak untuk mengakhiri hidup seorang pesakit atas permintaan pesakit itu sendiri atau dari keluarganya, dengan tujuan untuk menghilangkan atau mengakhiri penderitaan yang berpanjangan, tanpa pengamal perubatan itu sendiri menghadapi kesalahan undang-undang. Justeru, pengamal perubatan turut mengalami konflik batin, di mana sebagai manusia biasa pengamal perubatan tidak berupaya menolak permintaan dari pesakit dan keluarganya. Lebih-lebih lagi sekiranya keadaan pesakit yang menghadapi sakit yang berpanjangan dan tiada harapan untuk kembali sembuh seperti sedia kala. Dalam hal ini, para pengamal perubatan akan terdedah kepada perlanggaran hukum di samping melanggar sumpah yang telah diucapkan sebelum melibatkan diri sebagai pengamal perubatan.

Kebanyakan negara masih memperdebatkan isu memberikan hak kepada individu untuk mendapatkan pertolongan bagi mengakhiri kehidupannya. Sehingga saat ini, undang-undang dari segi agama dan moral menentukan bahawa membantu orang lain mengakhiri hidupnya, meskipun atas permintaan yang bersangkutan dengan nyata dan bersungguh-sungguh adalah perbuatan yang tidak baik. Majoriti masyarakat berpendapat bahawa hak untuk mati adalah hak asasi manusia. Banyak masalah akan timbul sekiranya manusia mengambil keputusan untuk hidup atau mati di luar kehendak Allah S.W.T. atau menyerahkan ke tangan manusia yang tidak sempurna.

## ■3.0 SEJARAH AWAL EUTHANASIA

Sejarah penentangan euthanasia bermula melalui sumpah hippokratik oleh ahli perubatan Greek, Hippocrates (bapa perubatan) yang menyatakan:

“Saya tidak akan memberi ubat yang menyebabkan kematian kepada sesiapa pun jika diminta mahupun dicadangkan.”[4]  
Hippocrates

Isu euthanasia menjadi semakin hangat diperdebatkan oleh kebanyakan negara terutamanya di Amerika Utara dan Eropah sejak abad ke-19 lagi. Penggubalan akta anti-euthanasia (mengharamkan pembunuhan diri dengan bantuan) dalam undang-undang Amerika digubal di New York pada 10 Disember 1828. Hal ini telah menyebabkan beberapa negeri di Amerika Syarikat seperti California dan Dakota turut menggunakan akta tersebut sebagai contoh di setiap negeri masing-masing. Manakala di antara tahun 1857 dan 1865, Suruhanjaya New York yang diketuai oleh Dudley Field telah merangka kod jenayah yang melarang sebarang bentuk bantuan dalam pembunuhan diri terutamanya dalam pembekalan kepada individu tertentu dengan sebarang ubat atau senjata yang boleh menyebabkan maut walaupun niat orang tersebut yang hendak mengambil nyawanya sendiri telah diketahui [5]. Walau bagaimanapun, setelah beberapa tahun menyelidik dan mengesahkannya, selari dengan

kemajuan dalam teknologi perubatan, Amerika Syarikat pada masa kini mula membenarkan kematian di institusi perubatan tertentu dan menimbulkan semula akta anti-euthanasia tersebut.

Mengikut kajian terdahulu, negara Belanda telah menemukan jalan yang menyarankan agar mempraktikkan euthanasia. Sebelum tahun 1973, euthanasia tidak dibenarkan di Belanda. Sejak saat itu, para pengamal perubatan dan jururawat secara aktif terlibat dalam pembunuhan pesakit yang belum sedia untuk mati. Pada tahun 1990, 9% dari kes kematian di Belanda dilaksanakan oleh para pengamal perubatan. Setengah dari kes ini adalah pesakit yang dibunuh tanpa persetujuan mereka [6].

Manakala bagi pihak penyokong idea euthanasia yang pertama adalah pada abad ke-16 oleh Thomas More. Dia berpendapat bahawa apabila seseorang pesakit menghidapi penyakit yang tidak dapat diubati dan dia menderita disebabkan penyakit tersebut, dia haruslah dinasihatkan supaya mematikan diri. Pesakit tersebut sepatutnya menyedari bahawa penyakitnya yang langsung tidak dapat diubati akan menjadi beban kepada orang lain dan penderitaannya akan menyebabkan orang lain berasa kasihan [7].

Pada tahun 1889, Nietzsche, seorang ahli falsafah Jerman menyokong kematian secara sukarela dengan karya falsafahnya yang bertajuk *Thus Spoke Zarathustra* [8].

Many die too late, and some die too early. yet strange sounds the precept: "Die at the right time!" Die at the right time! So teacheth, Zarathustra. ...My death, praise I unto you, the voluntary death, which cometh unto me because I want it.

Nietzsche-Thus Spoke Zarathustra

Manakala pada tahun 1895, seorang peguam Jerman bernama Jost telah menyediakan sebuah buku bertajuk *Killing Law*. Jost menekankan bahawa hanya mereka yang menghidapi penyakit maut boleh diizinkan kematian jika mereka sendiri meminta untuk dimatikan.

Penyokongan isu euthanasia di Jerman diteruskan dengan penerbitan sebuah buku kecil bertajuk "*The Release of the Destruction of Life Devoid of Value*" pada tahun 1920 oleh dua orang profesor Jerman, Alfred Hoche dan Karl Binding yang menyokong pengambilan nyawa makhluk yang tidak bernilai. Mereka juga berpendapat bahawa seseorang pesakit yang meminta bantuan untuk mati berhak untuk mendapatkan bantuan tersebut daripada pengamal perubatan jika di bawah keadaan yang terkawal. Buku inilah yang telah menjadi asas panduan *non-voluntary* (bukan sukarela) euthanasia kepada Nazi Jerman [9].

Pada tahun 1935, satu persatuan yang menyokong euthanasia sukarela, iaitu *Voluntary Euthanasia Society* (VES) telah dibentuk di England pada tahun 1935. Persatuan tersebut adalah merupakan jenis persatuan yang pertama kali ditubuhkan di seluruh dunia. VES ditubuhkan dengan tujuan mengesahkan euthanasia sukarela supaya mereka yang menderita daripada penyakit serius boleh mendapatkan bantuan untuk mati apabila mereka memintakannya [10]. Beberapa tahun kemudian, persatuan euthanasia Amerika Syarikat iaitu *Euthanasia Society of America* (ESA) juga ditubuhkan pada tahun 1938 oleh Charles Francis Potter [11].

*Aktion 4* yang merupakan satu program euthanasia Nazi Jerman telah dilancarkan pada Oktober 1939 ditujukan kepada kanak-kanak berumur 3 tahun ke bawah yang menderita daripada kecacatan fizikal dan mental ataupun disamakan sebagai makhluk yang tidak sepatutnya hidup. Pada mulanya penumpuan diberikan kepada bayi yang baru dilahirkan dan kanak-kanak. Para pengamal perubatan perlu mendaftarkan kanak-kanak yang menunjukkan gejala yang berkaitan. Selepas program tersebut dilancarkan dan semakin berkembang, tindakan euthanasia bukan sukarela ini bukan sahaja melibatkan kanak-kanak bahkan juga

orang dewasa yang kurang upaya. Pada Oktober 1939, Adolf Hitler telah memerintahkan supaya mereka yang didapat menghidap sesuatu penyakit yang tidak dapat diubati setelah menjalani diagnosis terhadap tahap penyakit mereka haruslah diberikan euthanasia bukan sukarela ataupun menurutnya, *mercy death* [12].

#### ■4.0 NEGARA-NEGARA YANG MELULUSKAN EUTHANASIA

Definisi undang-undang euthanasia dipelbagai negara adalah berbeza. Pada masa kini, hanya beberapa negara yang membenarkan perlaksanaan euthanasia, iaitu Belanda, Belgium dan Oregon serta Washington di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, hanya di Belanda, euthanasia diperlakukan secara terbuka. Belanda dan Belgium membenarkan kedua-dua *assisted suicide* dan euthanasia manakala Oregon hanya membenarkan *assisted suicide*. Sehingga kini, masih terdapat banyak persatuan dan negara bergiat untuk mengesahkan euthanasia. Namun begitu, euthanasia tidak dapat dilaksanakan di seluruh dunia kerana perbuatan tersebut boleh membangkitkan persoalan moral dan implikasi yang terlalu besar dalam pelbagai aspek. Bahkan ia mengundang perspektif bertentangan dengan ajaran agama serta undang-undang yang sedia ada di sesebuah negara. Justeru untuk melaksanakannya di seluruh dunia adalah sukar.

#### ■5.0 PEMBAHAGIAN EUTHANASIA

Euthanasia yang sering kali diperdebatkan oleh dunia perubatan sekarang boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu [13]:

- i) Euthanasia pasif  
Mempercepatkan kematian seseorang secara tidak langsung seperti dengan cara menghentikan bekalan makanan, air, ubatan atau prosedur-prosedur yang perlu bagi meneruskan hidup pesakit. Pesakit dibiarkan tanpa sebarang rawatan sehingga meninggal dunia dalam keadaan semula jadi disebabkan penyakit yang dialaminya [14].
- ii) Euthanasia aktif  
Mempercepatkan kematian seseorang dengan tindakan secara langsung seperti menyuntik ubatan tertentu yang boleh membawa maut dengan segera. Pada masa yang sama, pembunuhan sebegini dilaksanakan semata-mata untuk menunaikan permintaan seseorang pesakit yang sakit tenat [15].
- iii) Euthanasia secara sukarela (*voluntary*)  
Apabila seseorang yang dipercepatkan kematianya berdasarkan permintaannya sama ada secara lisan atau bertulis.
- iv) Euthanasia secara tidak sukarela (*non-voluntary*)  
Apabila seseorang yang dipercepatkan kematianya tidak membuat sebarang permintaan atau wasiat supaya dipercepatkan kematianya. Juga merujuk kepada proses mempercepatkan kematian pesakit yang berada dalam keadaan tidak sedar, koma atau tidak mampu memberikan reaksi yang dapat difahami. Dalam kes ini, biasanya ahli keluarga si pesakit yang membuat permohonan supaya dipercepatkan kematian.

- v) *Involuntary euthanasia*  
Apabila seseorang pesakit dipercepatkan kematiamnya tanpa permintaan yang jelas.

## ■6.0 APLIKASI DALAM MELAKSANAKAN EUTHANASIA

Pelbagai aplikasi telah digunakan untuk memulakan proses euthanasia kepada manusia. Setiap aplikasi ini boleh memberikan akibat yang berlainan sehingga ada yang boleh menyakitkan. Secara umumnya, aplikasi euthanasia terhadap manusia terangkum di bawah euthanasia pasif dan euthanasia aktif.

### 6.1 Euthanasia Pasif

Semua aplikasi euthanasia pasif ini perlu mendapat keizinan daripada mahkamah terlebih dahulu sebelum dilaksanakan [16]. Contoh-contoh aplikasi adalah seperti berikut:

#### (a) Penyekatan sokongan hidup

Penyekatan sokongan hidup biasanya dijalankan ke atas seseorang yang memerlukan peralatan sokongan hidup seperti ventilator dan alat-alat perubatan yang lain. Dalam kaedah ini, peralatan sokongan hidup ditanggalkan dan seseorang itu dibiarkan mati dalam keadaan semulajadi.

#### (b) Penyekatan prosedur perubatan

Penyekatan prosedur perubatan dijalankan atas seseorang yang memerlukan prosedur perubatan untuk meneruskan hidupnya. Dalam kaedah ini, prosedur perubatan dihentikan dan seseorang itu tidak dibekalkan dengan sebarang ubat lagi. Akhirnya, seseorang itu akan mati secara semulajadi. Dalam sesetengah kes, *Cardio-pulmonary resuscitation* (CPR) tidak dilakukan kepada seseorang yang sakit terminal. Hal ini mengakibatkan jantungnya berhenti dan mati secara semulajadi.

#### (c) Kebuluran dan penyahhidratan

Satu lagi kaedah euthanasia yang biasanya dijalankan atas seseorang dalam keadaan koma ialah kaedah kebuluran dan penyahhidratan. Dalam kaedah ini, makanan dan cecair-cecair (pemakanan dan penghidratan) dihentikan daripada seseorang. Kematian tidak dapat dielakkan jika kaedah tersebut dilaksanakan terhadap seseorang. Biasanya kematian yang berlaku dalam kaedah ini adalah disebabkan penyahhidratan [17].

#### (d) Euthanasia melalui komputer riba

Ini merupakan salah satu kaedah untuk euthanasia pasif yang menarik dan telah digunakan oleh Dr. Philip Nitschke semasa kelulusan Rights of the Terminally Ill (ROTI) Act pada tahun 1995 di Wilayah Australia Utara. Sebelum menjalankan kewajipannya, beliau akan membuat panggilan kepada pesakit. Selepas itu, beliau membawa komputer riba, paip plastik, dan jarum suntik. Komputer ribanya telah dilengkapkan dengan satu program “bunuh diri”. Selepas pemasangan peralatan antara komputer riba dan pesakit, program

akan bermula dan soalan akan timbul pada skrin komputer. Penekanan “ya” yang berterusan akan mengaktifkan penyuntikan program seterusnya ubat yang membawa kematian akan disuntikkan kepada pesakit. Cara ini membolehkan pengamal perubatan menjalankan tugasnya terhadap pesakit secara tidak langsung [18].

### 6.2 Euthanasia Aktif

Pelaksana euthanasia aktif boleh didakwa sekiranya pelaksanaan tersebut tidak diizinkan oleh mahkamah. Berikut adalah contoh-contoh aplikasi yang digunakan dalam euthanasia aktif:

#### (a) Pembunuhan diri yang dibantu oleh pengamal perubatan (*Physician Assisted Suicide*)

Dalam hal ini, pengamal perubatan yang berkenaan akan menjelaskan pengetahuan mengenai euthanasia dan cara membunuh dengan jelas kepada seseorang yang memohon untuk mematikan diri. Bimbingan tersebut akan membantu mereka yang terlibat memahami tujuan euthanasia dan membantu mereka membunuh diri. Selepas itu, pengamal perubatan akan melaksanakan euthanasia aktif terhadap mereka yang bertegas untuk membunuh diri dengan bantuan pengamal perubatan.

#### (b) Suntikan mati dan penggunaan pil aman

Kebanyakan orang tidak menerima penyingkiran segala rawatan dan penjagaan terutama penyingkiran makanan dan cecair-cecair kerana mereka berasa kaedah tersebut amat menyakitkan. Bahkan mereka lebih terbuka untuk menerima suntikan mati dan penggunaan pil aman. Dengan menggunakan suntikan mati dan pil aman, seseorang akan meninggal dunia dalam keadaan yang tidak sedar diri tanpa penderitaan atau kesakitan.

#### (c) Suntikan dadah

Prosedur euthanasia yang paling biasa digunakan dalam euthanasia aktif iaitu memberi pesakit ubat morfin yang biasanya digunakan untuk mengawal kesakitan dalam dos yang tinggi. Suntikan tersebut akan menentang sistem respirasi pesakit dan menyebabkan kematian yang lebih awal daripada yang sepatutnya.

Oleh yang demikian, pesakit mempunyai pilihan untuk memilih kaedah yang sesuai untuk menamatkan kehidupannya. Akan tetapi pesakit mahupun waris mereka perlu mendapatkan kebenaran mahkamah terlebih dahulu sebelum dilaksanakan euthanasia aktif ini.

## ■7.0 IMPLIKASI EUTHANASIA TERHADAP MANUSIA

Euthanasia melibatkan pelbagai perspektif yang mempunyai idea yang berbeza. Daripada perspektif pesakit, kadang-kala penyakit yang dihidapi akan membawa pelbagai kesakitan dan penderitaan yang tidak dapat ditanggung oleh pesakit. Oleh itu, kebanyakan pesakit yang masih sedar mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk berputus asa dan memilih untuk menamatkan hidupnya tanpa kesakitan. Akan tetapi, sebaliknya ahli keluarga pesakit berhadapan dengan dilema untuk membuat keputusan jika pesakit tersebut berada dalam keadaan koma. Dengan melaksanakan

euthanasia, kos perubatan yang ditanggung oleh ahli keluarga dapat diringankan tetapi pada masa yang sama akan timbul persoalan, adakah itu pilihan yang diingini oleh pesakit untuk menamatkan hidupnya? Dalam proses membuat keputusan, ahli keluarga juga akan berhadapan dengan tekanan daripada pelbagai aspek, termasuk masyarakat, diri sendiri dan lain-lain.

Manakala dari perspektif perubatan, euthanasia memberi alternatif kepada pesakit dan tindakan ini boleh menamatkan hidup seseorang tanpa kesakitan dan menghentikan penderitaan. Pengamal perubatan memainkan peranan yang penting dalam isu ini kerana pada kebanyakan masa mereka lah yang mengambil keputusan sama ada pesakit berkelayakan untuk menerima euthanasia atau tidak. Tetapi pada masa yang sama, sebahagian pesakit akan berasa takut sekiranya pengamal perubatan yang merawatnya berpendapat bahawa pesakit tidak dapat disembuhkan dan pengamal perubatan akan melaksanakan euthanasia kepadanya. Keyakinan antara pesakit dengan pengamal perubatan mungkin akan berkurangan sekiranya euthanasia sentiasa dilaksanakan oleh pengamal perubatan.

Membenarkan euthanasia untuk pesakit yang tenat yang meminta boleh mengakibatkan situasi di mana semua individu yang tenat akan merasa tertekan terhadap euthanasia. Terdapat kebimbangan bahawa pesakit mungkin mula melihat diri mereka sebagai beban ke atas keluarga mereka, rakan-rakan dan masyarakat. Penentang daripada euthanasia juga menegaskan bahawa membenarkan individu untuk menamatkan nyawa mereka boleh membawa kepada situasi di mana kumpulan-kumpulan tertentu dalam masyarakat seperti golongan yang sakit teruk, kehilangan upaya atau warga tua harus dimatikan sebagai mengikut peraturan atau undang-undang.

## ■8.0 KES-KES YANG MELIBATKAN EUTHANASIA

Terdapat tiga kategori kes yang melibatkan euthanasia iaitu *non-voluntary euthanasia*, *voluntary euthanasia* dan *involuntary euthanasia*.

### 8.1 Non-voluntary Euthanasia

(a) Karen Ann Quinlan, Amerika Syarikat

Pada April, 1975, Karen Ann Quinlan yang berumur 21 tahun telah dimasukkan ke hospital dalam keadaan tidak sedarkan diri. Dalam beberapa jam sahaja, dia telah mengalami koma yang tidak dapat dipulihkan. Kedua-dua ibu bapanya yang menganut Roman Catholics, mengetahui bahawa anak perempuan mereka tidak rela berada dalam keadaan tersebut. Setahun kemudian, Karen memasuki keadaan vegetatif persisten. Pada masa itu, mahkamah-mahkamah membenarkan alat bantuan pernafasannya dihentikan tetapi tiub penyuapan masih diteruskan dan dia hidup sehingga Jun 1985. Akhirnya, dia meninggal dunia disebabkan oleh penyakit pneumonia. Keluarganya menerima beribu-ribu surat simpati dan kebanyakannya berpendapat bahawa keluarga Karen tidak sepatutnya membiarkan Karen menderita selama ini [19].

(b) Tony Bland, United Kingdom

Pada 1992, Mahkamah Tinggi United Kingdom membenarkan euthanasia mangsa kemalangan Hillsborough, Tony Bland yang berada dalam keadaan koma dengan menghentikan tiub-tiub penyuapannya. Ibu bapa Tony Bland, Allan dan Barbara, menyokong tindakan mahkamah dan berasa lega atas keputusan tersebut. Tony Bland, pada umur 22, mengalami kerosakan otak yang teruk akibat kemalangan keruntuhan tempat duduk stadium

apabila dia dan penyokong-penyokong bola sepak lain yang sedang berhimpit-himpit untuk memasuki stadium Hillsborough pada bulan April 1989. Seramai sembilan puluh lima pemain telah mati dalam kejadian itu. Dalam Mahkamah Tinggi, para pengamal perubatan Tony Bland dari Hospital Besar Airedale, dan pakar-pakar lain dalam bidang perubatan mengatakan bahawa dia boleh hidup selama lima tahun tetapi dia tidak akan pulih. Jika tiub penyuapan dikeluarkan dia akan mati dalam beberapa hari. Akhirnya, Tony meninggal dunia akibat penyehidratan sembilan hari selepas tiub penyuapannya dikeluarkan [20].

(c) Again Isna Nauli, Indonesia

Satu permohonan untuk melakukan euthanasia pada tarikh 22 Oktober 2004 telah dibuat oleh seorang suami bernama Hassan Kusuma ke Mahkamah Negeri Jakarta Pusat kerana tidak sanggup melihat isterinya yang bernama Again Isna Nauli, 33 tahun, terlantar koma selama 2 bulan dan di samping itu, ketidakmampuan untuk menanggung beban bayaran perawatan turut menjadi alasannya untuk permohonan tersebut. Kes ini merupakan salah satu contoh bentuk euthanasia yang di luar keinginan pesakit. Permohonan ini akhirnya ditolak oleh Mahkamah Negeri Jakarta Pusat, dan setelah menjalani perawatan intensif maka keadaan terakhir pesakit (pada 7 Januari 2005) telah mengalami kemajuan dalam pemulihan kesihatannya [21].

(d) Terri Schiavo, Amerika Syarikat

Terri Schiavo (41 tahun) telah meninggal dunia di negeri Florida, pada 31 Mac 2005, 13 hari setelah Mahkamah Agung Amerika Syarikat memberikan keizinan untuk mengeluarkan salur makanan yang selama ini 'menghidupkan' pesakit dalam koma ini. Terri mula koma pada tahun 1990 setelah terjatuh di rumahnya dan ditemui oleh suaminya, Michael Schiavo dalam keadaan kegagalan jantung berfungsi. Disebabkan oleh penghentian nafas dalam masa yang panjang, dia mengalami kerosakan otak yang kritikal akibat kekurangan oksigen. Menurut kalangan paramedik, kegagalan jantung itu disebabkan oleh ketidakseimbangan unsur potassium dalam tubuhnya. Oleh kerana itu, pengamal perubatannya kemudian didakwa atas kesalahan praktik dan terpaksa membayar ganti rugi besar atas kecuaian dalam penilaianya iaitu tidak menemukan keadaan yang membahayakan ini pada pesakitnya. Setelah Terri Schiavo berada dalam keadaan koma selama 8 tahun, maka pada bulan Mei 1998 suaminya, Michael Schiavo membuat permohonan ke mahkamah agar salur alat bantu makanan pada isterinya dikeluarkan agar isterinya dapat meninggal dengan tenang. Namun ibubapa Terri Schiavo iaitu Robert dan Mary Schindler menyatakan keberatan dan menentang niat menantu mereka. Dua kali salur makanan telah dilepaskan dengan izin mahkamah, tetapi beberapa hari kemudian, salur makanan tersebut dipasang kembali atas perintah hakim yang lebih tinggi. Ketika akhirnya hakim memutuskan bahawa salur makanan boleh dilepaskan, maka para penyokong keluarga Schindler melakukan segala yang boleh untuk menggerakkan Senat Amerika Syarikat agar membuat undang-undang yang memerintahkan Mahkamah Persekutuan untuk meninjau kembali keputusan hakim tersebut. Undang-undang ini disokong oleh Dewan Perwakilan Amerika Syarikat dan ditandatangani oleh Presiden George Walker Bush. Tetapi, berdasarkan undang-undang di Amerika, kekuasaan kehakiman tidak bergantung dengan sebarang kuasa yang lain, akhirnya hakim persekutuan membenarkan keputusan hakim terdahulu [22].

(e) Dr. Park, Korea Selatan

Pada tahun 2002, di Korea Selatan, terdapat seorang pesakit wanita berusia 68 tahun yang menderita penyakit sirosis hati. Setelah dirawat selama tiga bulan, seorang pengamal perubatan bernama Park yang berumur 30 tahun, telah mencabut alat bantu pernafasan atas permintaan anak perempuan pesakit tersebut. Pada Disember 2002, anak lelaki pesakit tersebut meminta polis untuk menyiasat kakaknya berserta dengan pengamal perubatan tersebut atas tuduhan melakukan pembunuhan. Dr. Park kemudian mengatakan bahawa dia tidak bersalah dan hanya menunaikan permintaan anak perempuan pesakit agar alat bantu pernafasan tersebut tidak dipasangkan. Seminggu sebelum kematianya, pesakit tersebut amat menderita disebabkan oleh penyakit sirosis hati yang telah mencapai peringkat akhir dan pengamal perubatan mengatakan bahawa walaupun alat bantu pernafasan tidak dicabut, kemungkinan besar pesakit tersebut hanya dapat bertahan selama 24 jam sahaja [23].

## 8.2 Voluntary Euthanasia

(a) Dr. Nigel Cox, United Kingdom

Pada tahun 1992, Dr. Nigel Cox mencabar undang-undang secara terbuka dan bersetuju kepada permintaan Puan Boyes yang berumur 70 tahun untuk menjalankan euthanasia sukarela aktif. Puan Boyes berada dalam keadaan kritikal sehingga beliau akan menjerit jika sesiapa menyentuh tubuhnya. Ubat biasa tidak dapat melegakan penderitaannya. Dalam hari-hari terakhirnya, setelah membuat permintaan yang berterusan, akhirnya Dr. Cox memberinya satu suntikan kalium klorida dan akhirnya Puan Boyes meninggal dunia. Akibatnya Dr. Cox telah digantung kerja dan dihukum oleh mahkamah [24].

(b) Sue Rodriguez, Kanada

Sue Rodriguez seorang ibu berusia awal tiga puluhan, menghadapi penyakit *Lou Gehrig*. Dia mengetahui bahawa otot-ototnya akan merosot hingga boleh menyebabkan tercekik sehingga mati dalam keadaan sedar diri. Oleh itu, dia meminta mahkamah supaya membenarkan pengamal perubatan membantu dia dalam memilih saat kematian untuk menenteramkannya. Akan tetapi, permintaannya ditolak dan dia terpaksa meneruskan hidupnya dalam ketakutan. Akhirnya pada bulan Februari 1994, seorang pengamal perubatan telah melanggar undang-undang dan membantunya untuk meninggal dunia [25].

## 8.3 Involuntary Euthanasia

Dianne Pretty menghadapi penyakit neuron motor kritikal. Dia dan suaminya merayu kepada mahkamah agar tidak memberikan dakwaan terhadap suaminya jika suaminya membantu dia membunuh dirinya tetapi permintaan tersebut telah ditolak. Akhirnya, Dianne Pretty telah mati di hospital dalam keadaan yang dia tidak inginkan. Seorang perakam dokumentari berjaya merekodkan penderitaan Dianne Pretty semasa melawan penyakitnya dan ini membuat kesnya amat terkenal di England [26].

## ■9.0 FAKTOR YANG MENDORONG AMALAN EUTHANASIA

Terdapat beberapa faktor yang mendorong banyak pihak untuk melakukan euthanasia. Pihak yang menyokong amalan

euthanasia menjustifikasi pendirian mereka dengan beberapa hujah iaitu; pertama faktor ekonomi. Kedua, keterbatasan tempat atau ruang, katil, staf, peralatan terapi yang boleh dimanfaatkan oleh pesakit lain yang kurang risiko dan ketiga, mati secara terhormat.

### 9.1 Faktor Ekonomi

Di Barat, Amerika khususnya mempunyai tahap kos hidup yang sangat tinggi lagi melampau. Setiap anggota masyarakat merasa bimbang setiap kali berdepan dengan perbelanjaan perubatan yang tidak terjangkau oleh kemampuan mereka. Afrika Selatan turut menghadapi masalah kos perbelanjaan perubatan yang tinggi [27]. Dengan harga ubat yang mahal dan perbelanjaan perubatan yang tinggi akan mendorong keluarga yang tidak berkemampuan untuk mencari jalan keluar yang mudah. Lantas untuk menghilangkan penderitaan ahli keluarga mereka yang sedang tenat, mereka bersetuju melakukan euthanasia. Dalam keadaan yang sedemikian, Islam meletakkan tanggungjawab terhadap semua perbelanjaan untuk kos perubatan pesakit di bawah bidang kuasa kerajaan. Kerajaan akan menanggung semua keperluan perubatan pesakit sehingga sembah [28].

### 9.2 Penggunaan Kemudahan Hospital Yang Terhad

Penggunaan kemudahan dan peralatan hospital yang terbatas untuk kegunaan pesakit tertentu merupakan salah satu faktor yang mendorong amalan euthanasia. Amalan pihak hospital yang lebih mengutamakan pesakit yang mempunyai prognosis yang lebih baik. Oleh yang demikian, pesakit yang kurang atau tidak mempunyai harapan menurut perkiraan hospital akan mendapat kurang layanan dari segi kemudahan dan keutamaan. Ini adalah suatu amalan yang tidak dapat diterima kerana belum tentu pesakit yang dijangkakan akan cepat sembuh akan terjamin tidak mati lebih awal. Seharusnya kedua-dua pesakit sama penting dan perlu diberi perhatian dan layanan yang sama. Hanya pihak hospital perlu menyediakan peruntukan kewangan yang cukup untuk menampung kekurangan semua peralatan dan kakitangan [29].

### 9.3 Mati Secara Terhormat

Di England, terdapat organisasi gerakan ‘hospice’ yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan khusus kepada pesakit-pesakit yang mempunyai harapan tipis untuk hidup. Menurut Hospice Foundation Amerika, tujuan yayasan adalah untuk memberi keselesaan kepada pesakit yang tipis harapan, di samping juga memberi keutamaan untuk menjaga pesakit daripada kesakitan dan penderitaan yang dialaminya. Caranya ialah dengan melakukan euthanasia iaitu dengan memberi ubat atau menyediakan ubat untuk pesakit bagi menamatkan hidupnya. Berbeza dari perspektif Islam yang melihat segala bentuk kesusahan yang dialami oleh seseorang tidak akan merendah atau mencemarkan kehormatan dirinya. Justeru ia adalah kesempatan bagi dirinya untuk mendapat keampunan dan ganjaran pahala daripada Allah S.W.T. [30].

Dewasa ini, amalan euthanasia telah dijadikan suatu perkara yang melanggar undang-undang di kebanyakan negara di dunia. Hanya beberapa negara sahaja yang tidak mengharapkan amalan euthanasia. Usaha untuk membenarkan euthanasia hanya akan menimbulkan banyak implikasi negatif terutama kesannya terhadap pesakit-pesakit tua, kanak-kanak atau orang dewasa yang terencah akal, pengidap AIDS, pesakit kanser dan anak-anak yang cacat. Malah bayi yang baru lahir tetapi cacat juga akan menjadi mangsa. Lantaran itu amalan perubatan seharusnya

mendapat pencerahan dengan etika dan ajaran agama bukan dengan menurut kepentingan komersial atau politik semata-mata [31].

## ■10.0 DIMENSI ETIKA EUTHANASIA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Islam adalah agama yang dibawa oleh Allah S.W.T., sebuah agama yang murni, harmoni, syumul dan luhur. Pengertian *qatl ar-rahmah* atau *taisir al-maut* (euthanasia) ialah tindakan memudahkan kematian seseorang dengan sengaja tanpa merasakan sakit bertujuan meringankan penderitaan pesakit secara positif maupun negatif [32]. Islam mempunyai pendirian yang jelas mengenai hukum menggunakan kaedah euthanasia atau mati rahmat ini. Kebanyakan ulama berpendapat bahawa semua kategori euthanasia adalah haram.

Dr. Yusuf al-Qaradawi menerangkan bahawa euthanasia aktif adalah haram kerana dalam kaedah ini pengamal perubatan bertindak mengakhiri hidup pesakit dan menyebabkan kematiannya dengan cara suntikan bahan tertentu, kejutan elektrik, senjata tajam dan sebagainya. Ini adalah sama dengan membunuh dan membunuh adalah dosa besar di dalam Islam. Sebaliknya beliau berpendapat, bahawa menghentikan rawatan kepada pesakit adalah dibenarkan di dalam Islam dengan syarat setelah pakar-pakar perubatan sepakat bahawa pesakit tersebut sudah tidak ada harapan lagi untuk sembuh.

Manusia diamanahkan supaya menjaga tubuh badan dengan baik mengikut landasan yang telah ditetapkan. Islam tidak membenarkan membunuh diri kerana manusia bukan pencipta kepada diri mereka sendiri dan bukan pemilik mutlak [33]. Kematian adalah waktu yang ditentukan oleh Allah S.W.T dan Allah juga yang memiliki semua hidupan. Ini sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:[34].

“Kemudian apabila sampai tempoh mereka, tiadalah mereka dapat meminta dikemudiankan sesaat pun dan tidak pula mereka dapat mendahulukan.”

(Surah al-Nahl 16: ayat 61)

Dalam Islam masalah kematian manusia merupakan hak Allah S.W.T. Oleh itu, perbuatan yang mengarah kepada tindakan untuk menghentikan hidup seseorang itu merupakan perbuatan yang bertentangan dengan hukum syariah. Allah S.W.T. melarang perbuatan yang mengarah kepada kematian dalam apa cara sekali pun, baik terhadap diri sendiri maupun terhadap orang lain. Termasuklah perihal euthanasia, kerana tindakan pembunuhan secara euthanasia ini merupakan pembunuhan tanpa hak. Allah S.W.T. adalah pemilik dan pemberi kehidupan kepada manusia, maka Dialah yang berhak memberi atau mengambil nyawa manusia. Membunuh diri dianggap sebagai satu jenayah dalam Islam dan ia adalah satu dosa besar. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud [35]:

“Dan setiap makhluk yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah”.

(Surah Ali-Imran: ayat 145)

Rasullullah S.A.W. bersabda yang bermaksud [36]:

“Barangsiapa yang membunuh diri menggunakan alatan logam, akan hiduplah dia di dalam neraka selama-lamanya. Barangsiapa yang meminum racun untuk membunuh diri, akan meneguk racun neraka selama-lamanya di dalam neraka. Barangsiapa yang membunuh diri dengan terjun dari gunung, nescaya dia akan sentiasa terjun ke dalam neraka buat selama-lamanya.”

Kesusahan dan penderitaan dalam kehidupan ini merupakan ujian terhadap iman dan takwa kepada Allah S.W.T. Oleh itu, seseorang muslim perlu mempunyai pandangan yang optimis untuk menghadapi segala cabaran hidup dan tidak lari dari kesusahan di dunia dengan cara membunuh diri. Pada zaman Rasulullah S.A.W., ramai sahabat yang cedera parah ketika dalam perperangan dan menderita kesakitan selama beberapa hari. Tetapi mereka tidak pernah cuba membunuh diri bagi melegakan penderitaan yang mereka alami. Sebagaimana Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:[37]

“Dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.”

(Surah Luqman 31: ayat 17)

Oleh yang demikian, dapatlah dimengertikan bahawa dalam ajaran Islam, seseorang yang menanggung penderitaan adalah diminta bersabar dan redha kerana beliau akan mendapat ganjaran yang besar dari Allah S.W.T. [38]. Berpandukan kod etika perubatan Islam telah dinyatakan bahawa pengamal perubatan tidak mempunyai kuasa untuk menamatkan nyawa seseorang pesakit walaupun pesakit tersebut telah dibuktikan tidak dapat dipulihkan secara saintifik. Sebaliknya pengamal perubatan hendaklah mencuba sedaya-upaya untuk mengekalkan nyawa pesakit tersebut kerana tanggungjawab pengamal perubatan adalah untuk membantu dalam penyambungan nyawa bukannya kematian [39]. Menurut *First International Conference of Islamic Medicine* anjuran *Islamic Organisation of Medical Science* pada tahun 1981 di Kuwait telah menyatakan bahawa tidak ada sebarang alasan yang kukuh untuk menyokong euthanasia yang bertujuan untuk menghilangkan penderitaan dan keseksuaian pesakit. Jelaslah bahawa euthanasia adalah tindakan yang tidak akan dihalalkan di sisi agama Islam.

## ■11.0 FATWA BERKAITAN EUTHANASIA

Kes euthanasia telah mendapat tanggapan yang serius dalam kalangan masyarakat Islam seluruh dunia. Terdapat perbahasan yang mendalam baik dari segi keagamaan ataupun dari segi perubatan. Meskipun para ulama berbeza pendapat baik menyokong atau menolak berkaitan dengan hukum amalan euthanasia. Tapi pada keseluruhannya mereka semua sepakat bahawa hukum asal untuk amalan euthanasia adalah haram. Berikut diturunkan beberapa fatwa dan pendapat daripada pihak-pihak yang berautoriti tentang hal ehwal agama Islam dari beberapa negara Islam. Antaranya:

## ■12.0 JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Euthanasia atau *Mercy Killing*. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut [40]:

Setelah mendengar taklimat dan penjelasan pakar serta meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa menghentikan hidup seseorang sebelum dia disahkan mati dengan menggunakan apa-apa cara dan bersandarkan kepada apa-apa alasan adalah haram dan

dilarang oleh Islam. Sehubungan itu, Muzakarah memutuskan bahawa perbuatan mempercepatkan kematian melalui amalan *euthanasia* (sama ada Euthanasia Voluntary, Non-Voluntary atau Involuntary) atau *mercy killing* adalah haram menurut Islam kerana ia menyamai perbuatan membunuh dan ianya juga bertentangan dengan Etika Perubatan di Malaysia.

Keputusan ini adalah selaras dengan Firman Allah S.W.T. dalam Surah an-Nisa', ayat 92 yang bermaksud: "Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mungkin membunuh seorang mungkin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja..." dan Hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i yang bermaksud: "Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. bersabda, "Janganlah kamu mengharapkan kematian, jika seseorang itu baik, boleh jadi ia menambahkan kebaikan dan jika seseorang itu berbuat dosa boleh jadi dia bertaubat (dan mengharap redha Allah)."

Muzakarah juga menegaskan bahawa tugas seorang doktor ialah menolong pesakit dalam perkara kebaikan. Membantu mempercepatkan kematian tidak termasuk dalam perkara kebaikan tetapi tergolong dalam perkara yang dilarang dan berdosa.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana pakar perubatan telah mengesahkan bahawa jantung dan/atau otak pesakit telah berhenti berfungsi secara hakiki dan pesakit disahkan tidak ada lagi harapan untuk hidup dan hanya bergantung kepada bantuan sokongan pernafasan, Muzakarah memutuskan bahawa tindakan memberhentikan alat bantuan sokongan pernafasan tersebut adalah dibenarkan oleh Islam kerana pesakit telah disahkan mati oleh pakar perubatan dan sebarang rawatan tidak lagi diperlukan. Begitu juga, dalam kes di mana pakar perubatan telah mengesahkan bahawa pesakit tiada harapan untuk sembuh dan pesakit telah dibenarkan pulang, maka tindakan memberhentikan rawatan utama dan hanya rawatan sokongan (*conventional treatment*) diteruskan adalah dibenarkan oleh Islam kerana keadaan seumpama ini tidak termasuk dalam amalan euthanasia atau *mercy killing* yang diharamkan.

Walau bagaimanapun, jika rawatan/alat bantuan sokongan tersebut digunakan untuk tujuan lain seperti alat bantuan mengeluarkan bendalir untuk memudahkan pernafasan, maka tindakan mencabut/memberhentikannya adalah tidak dibenarkan.

Dalam kes-kes di mana pakar perubatan berhadapan dengan situasi di mana pesakit perlu berdepan dengan dua pilihan, sama ada meneruskan rawatan walaupun berkemungkinan memberi kesan sampingan yang boleh menyebabkan kematian atau terus berada dalam keadaan kesakitan yang berterusan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa adalah harus bagi pakar perubatan memberikan rawatan/ubat-ubatan kepada pesakit (seperti ubat penahan sakit) walaupun berkemungkinan memberi kesan kepada nyawa pesakit.

Sehubungan itu selaras dengan kaedah fiqh: *الضرورات تبيح المظورات* iaitu 'dalam keadaan darurat, setiap perkara yang ditegah dibolehkan', amalan *Euthanasia Indirect* atau *Double-Effect Medication* boleh dilaksanakan menurut pandangan syarak bagi memastikan kesengsaraan yang dihadapi pesakit dapat

dikawal dan pelaksanaannya tidak langsung bertujuan untuk mempercepatkan kematian.

Muzakarah juga memutuskan bahawa dalam kaedah perubatan, mati otak (*brain death*) adalah dianggap sebagai suatu kematian dan apabila kematian tersebut disahkan oleh pakar, maka akan *habit* semua hukum berkaitan kematian yang ditetapkan oleh syarak. Justeru, adalah harus memberhentikan rawatan bantuan sokongan (contohnya penggunaan mesin *ventilator*) dengan persetujuan waris-waris terdekat selepas disahkan oleh dua orang pakar perubatan yang tidak terlibat dalam urusan pendermaan organ.

## ■13.0 FATWA MUFTI DAN ULAMA LAIN

Mufti Arab Saudi *Shaikh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz* telah menetapkan bahawa Euthanasia atau *Qatl rahmah* (menghentikan penggunaan alat penyokong nyawa pesakit yang yang tidak mempunyai harapan sembuh atau dalam keadaan koma) adalah berlawanan dengan syarak. Pihak Mahkamah Tertinggi Arab Saudi yang diketuai oleh *Sheikh Bin Baz* memutuskan bahawa menentukan kematian seseorang pesakit sebelum ia benar-benar mati adalah bertentangan dengan syariah. Beliau berkata tidak ada satu nyawa pun yang boleh diambil dengan apa pun alasannya.

Seterusnya Dr. Muzzami Siddiqi, mantan presiden Persatuan Masyarakat Islam Amerika Utara (*The Islamic Society of North America*) telah menulis, "Jika pesakit terus bergantung hidup pada alat sokongan nyawa, maka menghentikan alat tersebut dibenarkan untuk membiarkan pesakit mati secara tab'i'i, iaitu setelah mengambil pertimbangan dan penjagaan yang teliti sebelum mesin penyokong nyawa dihentikan [41]."

Dalam keputusan yang dikeluarkan oleh *Majma' al-Fiqh al-Islami* di Amman, Jordan dari 11 – 16 Oktober 1986 bahawa secara syarak, seseorang itu telah ditetapkan mati apabila terdapat salah satu daripada dua tanda-tanda berikut;

- (1) Jika jantung dan pernafasannya berhenti keseluruhan dan para doktor pakar yang berpengalaman telah memutuskan bahawa jantungnya tidak akan kembali berfungsi lagi.
- (2) Jika semua sel-sel otaknya tidak lagi berfungsi secara keseluruhan dan para pengamal perubatan pakar yang berpengalaman telah memutuskan bahawa jantungnya tidak akan kembali berfungsi lagi. Maka pada keadaan demikian semua alat-alat yang mendukung pernafasannya boleh dilepaskan [42].

## ■14.0 KESIMPULAN

Euthanasia berlaku apabila manusia hilang rasa hormat pada kehidupan manusia itu sendiri. Sekiranya manusia mengerti dan menghormati kesucian dari kehidupan maka mereka tidak akan memutuskan untuk mengakhiri kehidupannya dengan cara yang sedemikian. Bagi yang menyokong perlaksanaan euthanasia, mereka menerbitkan karya-karya sendiri dan menubuhkan persatuan tetapi bagi sebahagian yang membantah, mereka bertindak melalui penggubalan undang-undang. Ini membuktikan bahawa isu euthanasia tidak dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat dan tindakan ini dianggap sebagai pembunuhan, walaupun tujuan awalnya adalah untuk menamatkan hidup pesakit yang tidak dapat menahan kesakitan yang kritis. Oleh itu, manusia perlu bijak dalam mentafsir dan menganalisis sebelum mengaplikasikan serta mengamalkan etika yang betul

agar tidak membawa kepada berlakunya perkara-perkara negatif yang boleh melanggar fitrah manusia dan syariah Islamiah.

## Rujukan

- [1] Nugroho, F. 2008. *Euthanasia dalam Hukum Pidana Islam*. Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- [2] Ibid.
- [3] The Irish Council for Bioethics, Euthanasia: Your Body, Your Death, Your Choice? [www.rte.ie/science/euthanasia\\_leaflet.pdf](http://www.rte.ie/science/euthanasia_leaflet.pdf).
- [4] Michael North, National Library of Medicine, Hippocratic Oath. 2002. [http://www.nlm.nih.gov/hmd/greek/greek\\_oath.html](http://www.nlm.nih.gov/hmd/greek/greek_oath.html).
- [5] History of Euthanasia. 2009. <http://www.euthanasia.com/historyeuthanasia.html>
- [6] Ibid.
- [7] Aysegil Demirhan Erdemir dan Omur Elcioglu. 2001. *Eubios Journal of Asian and International Bioethics 11*. Eubios Ethics Institute. 47–49.
- [8] Friedrich Nietzsche. 1891. Thus Spake Zarathustra. Translated by Thomas, Chapter 21, Zarathustra's Prologue. [philosophy.eserver.org/nietzsche-zarathustra.txt](http://philosophy.eserver.org/nietzsche-zarathustra.txt).
- [9] Malcolm Muggeridge. 1980. The Humane Holocaust, <http://www.prolifeforum.org/ethics/muggeridge.asp>.
- [10] Definition of Voluntary Euthanasia Society. 13 November 1998, <http://www.medterms.com/script/main/art.asp?articlekey=7423>.
- [11] Richard Weikart, (4 September 2004). Killing Them Kindly: Lessons from the euthanasia movement, <http://www.csustan.edu/history/faculty/Weikart/killing.html>.
- [12] Philip Gavin. 1996. The History Place, <http://www.historyplace.com/>
- [13] Mohd Ilham Ismail, (23 Mac 2005). Konsep Otak Mati dan Euthanasia, <http://members.tripod.com/tibbiants/ilham.pdf>.
- [14] Rachels, J. 1975. Active and Passive Euthanasia. *The New England Journal of Medicine*. 292: 78–80
- [15] Ibid.
- [16] Wordpress.com, (Ogos 2007). Euthanasia dari Perspektif Sains, Etika Dan Undang-Undang, <http://72.14.235.132/search?q=cache:3CQ3J8mp5dsJ:umchemistry.files.wordpress.com/2007/08/perfect-euthanasia.doc>.
- [17] The Life Information Charitable Trust. 2007. Euthanasia Methods, <http://www.euthanasia.org.nz/about-euthanasia/methods/>.
- [18] Philip Nitschke & Fiona Stewart. 2006. *The Peaceful Pill Handbook*. Exit International US Ltd, 8.
- [19] Kirsti A. Dyer, Karen Ann Quinlan - A Focal Point for Death with Dignity/Right to Die Movement, (19 Disember 2006), [http://dying.about.com/od/palliativeendoflifecare/p/karen\\_quinlan.htm](http://dying.about.com/od/palliativeendoflifecare/p/karen_quinlan.htm)
- [20] Telegraph & Argus, A right to choose, (15 April 1999), <http://archive.thisisbradford.co.uk/1999/4/15/164123.html>.
- [21] Taipei Times, Indonesian call for euthanasia riles Muslim population, (15 November 2004), <http://www.taipeitimes.com/News/world/archives/2004/11/15/200321150>.
- [22] Diana Lynne, The whole Terri Schiavo story, (24 Mac 2005), [http://www.worldnetdaily.com/news/article.asp?ARTICLE\\_ID=43463](http://www.worldnetdaily.com/news/article.asp?ARTICLE_ID=43463)
- [23] Theresa Kim Hwa-young, Seoul, The Debate On Euthanasia Opens, (13 Jun 2007), <http://new.asianews.it/index.php?l=en&art=9539>.
- [24] John Keown. 2002. *Euthanasia, Ethics, and Public Policy*. Cambridge University Press. 11.
- [25] William F. Sullivan. 2004. *Eye of the Heart*. University of Toronto Press. 33.
- [26] BBC News, Diane Pretty dies, (12 Mei 2002), <http://news.bbc.co.uk/2/hi/health/1983457.stm>.
- [27] Abulfadl Mohsin Ebrahim. 2007. Islamic Perspective Euthanasia (Qatl al-Rahma) *JIMA*. 39–173
- [28] Ibid.
- [29] Ibid.
- [30] Ibid.
- [31] Yousuf RM, Mohammad Fauzi AR. 2012. Euthanasia and Physician-Assisted Suicide: A Review from Islamic Point of View. *IMJM*. 11–1.
- [32] Dr. Yusuf Qardhawi , Fatwa-Fatwa Kontemporer – Euthanasia, <http://media.isnet.org/islam/Qardhawi/Kontemporer/Eutanasia.html>.
- [33] Mohd Ilham Ismail. (23 Mac 2005). Konsep Otak Mati dan Euthanasia. <http://members.tripod.com/tibbiants/ilham.pdf>.
- [34] Surah al-Nahl 16: ayat 61.
- [35] Surah Ali-Imran: ayat 145.
- [36] Abi al-Hussyn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qusyairi. 2009. Sahih Muslim Cet. 1. Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 108 (hadis no. 300).
- [37] Surah Luman 31: ayat 17.
- [38] Abu Asyraf , Euthanasia: Perundangan Dan Perspektif Islam, [www.geocities.com/Athens/Academy/2211/euthanas.htm](http://www.geocities.com/Athens/Academy/2211/euthanas.htm).
- [39] Rahman, Abdul, C.Amine, and Ahmed Elkadi. 1981. The Islamic Code of Medical Professional Ethics, Kuwait Ministry of Health. 65–67
- [40] Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Umgama Islam Malaysia <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-eutanasia-atau-mercy-killing>.
- [41] Kiarash Aramesh and Heydar Shadi. 2007. Euthanasia: An Islamic Ethical Perspective. *Iranian Journal Of Allergy, Asthma And Immunology*. 37(6): Suppl. 5, February 2007.
- [42] [www.Islamqa.com](http://www.Islamqa.com).